

## **2.9 Kesimpulan**

Dalam bab ini, pengkaji telah membincang kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lepas tentang kewujudan fenomena percampuran kod dalam wacana pertuturan dan penulisan. Ini telah membantu pengkaji mengkaji fenomena percampuran kod dalam berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

# **BAB 3**

## **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

### **3.1 Pengenalan**

Penyelidikan deskriptif ini ialah satu kajian survey untuk mengkaji hasil percampuran kod dari segi lexis dan sosiolinguistik. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan data yang dipilih bagi penyelidikan ini serta menghuraikan langkah-langkah yang telah digunakan untuk memperoleh data-data yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Pengkaji menerangkan kaedah penganalisan yang digunakan untuk menganalisis data benar atau korpus berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia yang memiliki fenomena percampuran kod. Perbincangan tersebut akan dibuat di bawah topik kaedah persampelan, pengumpulan data, pemerhatian, temubual dan kaedah penganalisan data yang terkumpul.

### **3.2 Pengumpulan Data-data**

Pengkaji mengumpul data dari dua sumber utama, iaitu melalui akhbar-akhbar tempatan dan kajian-kajian perpustakaan. Pengkaji telah mengumpul item-item leksis bahasa Cina dari tiga jenis akhbar bahasa Cina di Malaysia, iaitu “*Guang Ming Daily*” (《光明日报》) *Guāngmíng Rìbào*), “*China Press*” (《中国报》 *Zhōngguó Bào*) dan “*Mun Sang Poh*” (《民生报》 *Míngshēng Bào*) selama lima bulan dari bulan Januari 2007 hingga bulan Mei 2007. Dalam ketiga-tiga jenis akhbar ini, terdapat sebanyak 38380 ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Pengkaji hanya dapat mengumpul sebanyak 1132 ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina yang mempunyai fenomena percampuran kata-kata bahasa Inggeris sahaja. Selepas menganalisis data dengan teliti 1132 ayat berita hiburan bahasa Cina dalam akhbar-akhbar bahasa Cina di Malaysia, pengkaji mendapat bahawa terdapat banyak pertindihan kata-kata bahasa Inggeris yang dicampurkan terutamanya kata nama khas. Oleh itu, 132 ayat berita hiburan yang memiliki fenomena percampuran kod tidak dianalisis kerana ulangan kata nama khas. Justeru, hanya 1000 ayat berita hiburan bahasa Cina dianalisis. Dengan kata lain, pengkaji hanya memilih 1000 ayat berita hiburan yang mengandungi percampuran kata-kata bahasa Inggeris sebagai data penyelidikan ini. Ini kerana percampuran kod pada tahap leksis kerap wujud sekiranya berbanding dengan percampuran kod pada tahap frasa atau klausa (Nik Safiah, 1989).

### **3.3 Pemerhatian**

Pengkaji telah menggunakan masa selama lima bulan untuk mengumpul data penyelidikan dari kolum berita hiburan tiga buah akhbar bahasa Cina di Malaysia, yakni “*Guang Ming Daily*”, “*China Press*” dan “*Mun Sang Poh*” keluaran bulan Januari 2007 hingga Mei 2007. Sepanjang proses pengumpulan data, pengkaji juga menjalankan

pemerhatian tanpa melibatkan diri terhadap corak laras bahasa hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina Malaysia yang terkumpul.

Selepas menjalankan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa item-item leksis bahasa Inggeris kerap dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan dalam akhbar bahasa Cina di Malaysia. Sebaliknya, item-item leksis bahasa Melayu sangat kurang dicampurkan ke dalam ayat hiburan bahasa Cina setempat. Seterusnya, pengkaji memerhatikan ciri-ciri dari struktur linguistik bagi item-item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan lalu membincangkan ciri-ciri tersebut dalam Bab 4.

### **3.4 Responden Kajian**

Responden kajian ini terdiri daripada dua kumpulan, iaitu penulis atau editor berita hiburan akhbar bahasa Cina dan pelajar sekolah menengah.

#### **3.4.1 Penulis dan Editor Berita Hiburan**

Pengkaji telah memilih beberapa responden yang terdiri daripada penulis artikel berita hiburan dan editor bahagian berita hiburan akhbar-akhbar bahasa Cina dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah temubual untuk mendapat maklum balas daripada responden-responden tersebut agar mengetahui faktor-faktor yang mengakibatkan item-item leksis bahasa Inggeris dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina dalam akhbar bahasa Cina di Malaysia, di samping menjawab soalan-soalan penyelidikan. Soalan-soalan yang ditanya adalah mengenai faktor-faktor yang mengakibatkan item-item

bahasa Inggeris yang berkenaan dicampurkan secara interbahasa ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia ( rujuk Lampiran V).

Berikut ialah butir-butir penulis dan editor berita hiburan akhbar-akhbar bahasa Cina di Malaysia yang menjadi responden bagi penyelidikan ini.

**Jadual 3.1 Butir-butir Responden Temubual**

<b>No.</b>	<b>Nama editor dan penulis berita hiburan</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur (Tahun)</b>	<b>Pengalaman bekerja</b>
1.	Kee Teik Hee	Lelaki	49	20 tahun
2.	Tneh Khim Liang	Lelaki	46	15 tahun
3.	Cheah Hee Teck	Lelaki	45	26 tahun
4.	Goh Bee Khoon	Lelaki	45	10 tahun
5.	Chuah Moi Ngoh	Perempuan	32	10 tahun
6.	Tan Keng Teong	Lelaki	28	4 tahun
7.	Teo Lay Sze	Perempuan	26	3 tahun
8.	Quah Hui Zhi	Perempuan	25	3 tahun

### **3.4.2 Pelajar**

Pengkaji telah juga memilih pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Krian, Parit Buntar sebagai responden penyelidikan ini. Sekolah Menengah Kebangsaan Krian ialah sebuah sekolah menengah yang terletak di utara Perak. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik untuk menanya pelajar supaya memperoleh maklum balas tentang kesan-kesan yang timbul akibat fenomena percampuran item-item lexis bahasa Inggeris ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina.

Berikut ialah butir-butir pelajar yang menjadi responden bagi penyelidikan ini.

**Jadual 3.2 Butir-butir Responden Soal Selidik**

<b>Tingkatan</b>	<b>Lelaki (orang)</b>	<b>Perempuan (orang)</b>	<b>Jumlah (orang)</b>
4	15	15	30
5	15	15	30

### **3.5 Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua instrumen kajian, iaitu kaedah temubual dan soal selidik.

#### **3.5.1 Temubual**

Sebelum menjalankan kaedah temubual, pengkaji telah menyediakan soalan-soalan yang akan ditujukan kepada lapan orang responden (rujuk Jadual 3.2). Pengkaji menyediakan 20 soalan temubual bagi responden-responden yang terdiri daripada penulis artikel dan editor berita hiburan akhbar-akhbar bahasa Cina untuk mengetahui faktor-faktor yang mengakibatkan item-item lexis bahasa Inggeris tertentu dicampurkan secara interbahasa ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysia. Maklum balas yang diperolehi daripada responden-responden tersebut akan membantu pengkaji menjawab soalan-soalan penyelidikan demi mencapai objektif kajian ini, iaitu membolehkan pengkaji mengetahui sebab-sebab yang mengakibatkan item-item lexis bahasa Inggeris dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Pengkaji juga menemubual responden-responden (penulis-penulis berita hiburan bahasa Cina di Malaysia) untuk mengetahui bagaimana penulis-penulis tersebut mengenal pasti item lexis bahasa Inggeris yang sesuai untuk dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina. Maklum balas responden-responden pengkaji rekodkan ke dalam pita rakaman yang tersedia untuk memudahkan kerja penganalisan pada masa hadapan. Soalan-soalan temubual dilampirkan dalam bahagian Lampiran V.

### **3.5.2 Soal Selidik**

Pengkaji menyediakan satu set soal selidik. Soal selidik tersebut diberikan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Krian, Parit Buntar, Perak yang kerap membaca ruang hiburan akhbar-akhbar bahasa Cina setempat. Soal selidik ini (rujuk Lampiran VI) akan menanya pelajar-pelajar tentang kesan-kesan percampuran kod dalam berita hiburan terhadap mereka serta pandangan mereka tentang fenomena percampuran kod dalam berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Pengkaji menggunakan kaedah soal selidik lalu mengemukakan soalan-soalan soal selidik kepada 30 orang pelajar Cina Tingkatan 4 dan 30 orang pelajar Tingkatan 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan Krian, Parit Buntar, Perak untuk mengetahui kesan-kesan yang timbul terhadap golongan pembaca akhbar akibat fenomena percampuran item-item lexis bahasa Inggeris ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Soal selidik ini juga membolehkan pengkaji mengetahui pandangan mereka terhadap fenomena percampuran kod dalam ayat-ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

### **3.6 Kajian Perpustakaan**

Demi memperoleh maklumat yang cukup mengenai fenomena percampuran kod dalam berita hiburan akhbar bahasa Cina, pengkaji telah merujuk sumber-sumber primer seperti buku akademik, jurnal, buku rujukan dan kertas persidangan. Bahan-bahan rujukan tersebut didapati di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, Perpustakaan Asia Timur Universiti Malaya, Perpustakaan *New Era* di Kajang dan Perpustakaan Kolej Selatan di Johor.

Selain itu, pengkaji juga memperoleh maklumat-maklumat yang berkenaan dengan percampuran kod daripada laman-laman web setempat dan luar negara. Pengkaji juga telah merujuk kajian-kajian lepas berkaitan yang pernah dijalankan oleh sarjana-sarjana setempat dan luar negara untuk mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan dengan fenomena percampuran kod dalam laras bahasa hiburan akhbar bahasa Cina.

### **3.7 Penganalisisan Data-data**

Pengkaji menganalisis semua data yang dikumpul secara kualitatif dan kuantitatif mengikut kategori.

#### **3.7.1 Analisis Data Leksis**

Pengkaji memilih ayat-ayat yang mengandungi item leksis bahasa Inggeris dari 1000 ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Setiap leksis bahasa Inggeris dianalisis dari kelas katanya secara kuantitatif. Pengkaji mengklasifikasikan item-item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di

Malaysia dengan menggunakan kaedah kuantitatif dalam bentuk jadual berangka lalu menyampaikannya dalam bentuk carta pai. Seterusnya, pengkaji menganalisis item lexis bahasa Inggeris dari fungsi tatabahasa dan maknanya dengan menggunakan kaedah kualitatif.

### **3.7.2 Analisis Data Temubual**

Selepas menemubual penulis-penulis artikel berita hiburan akhbar dan editor-editor yang menyuntingkan bahagian hiburan akhbar bahasa Cina, pengkaji menganalisis data-data yang telah diperolehi dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji juga menganalisis maklum balas daripada temubual dalam Bab 5, lalu membincangkan sebab-sebab wujudnya fenomena percampuran kod dalam berita hiburan akhbar bahasa Cina setempat dan pandangan responden-responden terhadap fenomena linguistik ini dengan menggunakan kaedah kualitatif, yakni dengan kaedah penghuraian.

### **3.7.3 Analisis Data Soal Selidik**

Berdasarkan borang soal selidik dan hasil kajian yang telah dijalankan dalam Bab 5, pengkaji membincangkan pandangan responden-responden terhadap fenomena linguistik ini dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif.

## **3.8 Kesimpulan**

Pengkaji telah membincangkan data-data yang dipilih serta menghuraikan langkah-langkah yang penting untuk menjalankan penyelidikan ini. Kaedah persampelan,



pengumpulan data, pemerhatian, temubual dan kaedah penganalisisan data-data yang sesuai adalah penting dalam penyelidikan ini. Akhirnya, data-data penyelidikan ini dianalisis secara kuantitatif lalu dihuraikan secara kualitatif.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan ayat-ayat berita hiburan yang dipilih dari tiga akhbar tempatan bahasa Cina iaitu “*Guang Ming Daily*” ( 《光明日报》 ) *Guāngmíng Rìbào*), “*China Press*” ( 《中国报》 *Zhōngguó Bào*), dan “*Mun Sang Poh*” ( 《民生报》 *Míngshēng Bào* ) dari bulan Januari 2007 hingga bulan Mei 2007. Ayat-ayat berita hiburan yang mempunyai fenomena percampuran kod pada tahap lexis sahaja dipilih untuk dijadikan sebagai data penyelidikan ini. Pengkaji mengkategorikan kata-kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina kepada 12 kelas kata. Pengkaji menganalisis data kajian ini melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif pula digunakan untuk mengkaji kekerapan item-item lexis